

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 10/09/2019  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 39  
Tajuk : Malaysia kekal urus Pejabat Perniagaan Koperasi Asia Pasifik

## Malaysia kekal urus Pejabat Perniagaan Koperasi Asia Pasifik

**KUALA LUMPUR** - Mesyuarat Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia Pasifik (ICA-AP) ke-8 baru-baru ini memutuskan supaya Malaysia sekali lagi diberi kepercayaan untuk menguruskan Pejabat Perniagaan Koperasi Rantau Asia Pasifik bagi tempoh lima tahun akan datang.

Pengarahnya, Balasubramanian Iyer berkata, pejabat perniagaan yang ditubuhkan pada tahun 2014 itu memainkan peranan mempromosikan aktiviti koperasi serta melaksanakan perniagaan produk dan perkhidmatan bagi negara-negara anggota.

"Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) selaku tuan rumah kepada pejabat perniagaan tersebut telah memainkan peranan

yang cemerlang terutamanya dalam menghubungkan koperasi di rantau Asia Pasifik.

"Ahli majlis ICA-AP dalam mesyuarat telah bersetuju untuk meneruskan kerjasama koperasi di rantau Asia Pasifik menerusi pejabat perniagaan yang diuruskan oleh Malaysia menerusi Angkasa untuk tempoh lima tahun lagi," katanya selepas mesyuarat yang berlangsung di KL Sentral di sini.

Turut hadir Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah, Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkasa, Nasir Khan Yahaya.

Sementara itu, menurut Abdul Fattah, keputusan mengekalkan lokasi

pejabat perniagaan di Malaysia dilihat akan memberi manfaat menyeluruh kepada pertubuhan koperasi di negara ini.

"Pengekalan operasi pejabat perniagaan itu boleh dimanfaatkan oleh sektor koperasi di Malaysia bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka ke rantau Asia Pasifik seperti di Jepun, Korea serta China menerusi sektor berimpak tinggi seperti e-dagang, pelancongan, pertanian mahupun tenaga boleh diperbaharui.

"Kami juga mengalu-alukan penyertaan negara-negara Asia Pasifik lain untuk menyertai Majlis ICA-AP bagi merencanakan lagi pasaran produk dan aktiviti perdagangan antara koperasi," ujarnya.



ABDUL FATTAH (kanan) bersama Iyer pada sidang akhbar Mesyuarat Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia Pasifik ke-8, di Hotel Aloft, KL Sentral baru-baru ini.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA